

Nama :

Kelas :

Pilih jawapan yang paling tepat.

- 1 Apakah ciri yang dikaitkan dengan pernyataan di bawah?

Bahan mentah yang belum diproses

- A Fail
B Data
C Rekod
D Maklumat
- 2 Apakah jenis data bagi nama seseorang?
A Teks
B Digit
C Tarikh
D Nombor
- 3 Encik Phang hendak memasukkan harga barang ke dalam pangkalan data. Apakah jenis data yang akan digunakan olehnya?
A Teks
B Nombor
C Boolean
D Berfrasa
- 4 _____ ialah data yang diproses menggunakan cara tertentu sehingga memberi makna kepada penerimanya.
A Teks
B Nombor
C Maklumat
D Autonumber
- 5 Data yang sah bagi jenis data Tarikh ialah...
A 25-10-2016.
B 10/02/2017.
C 13 April 2015.
D 21-September-2006.
- 6 _____ ialah aplikasi sumber terbuka yang boleh digunakan untuk membina pangkalan data.
A Database
B PortaBase
C LibreOffice
D Adobe Photoshop

- 7 Koleksi data berkaitan dalam pangkalan data yang disimpan dalam bentuk lajur dan baris disebut...

A rekod.
B jadual.
C medan.
D nombor.

- 8 Koleksi medan berkaitan sesuatu objek dalam pangkalan data dipanggil...

A lajur.
B baris.
C rekod.
D jadual.

Soalan 9 dan 10 berdasarkan jadual di bawah.

Lajur			
Nama	Jantina	Tinggi (cm)	Berat (kg)
1 Amirul Syarik bin Ahmad	Lelaki	132	32.4
2 Badrul Hisyam bin Bahar	Lelaki	134	35.6
4 Delisha Damia bt. Karim	Perempuan	129	31.2
3 Luqman Faris bin Ilias	Lelaki	135	37
5 Tan Li Qiong	Lelaki	140	39

Baris

- 9 Apakah nama bagi lajur yang ditunjukkan dalam jadual di atas?

A Berat
B Rekod
C Jadual
D Medan

- 10 Apakah nama bagi baris yang ditunjukkan dalam jadual di atas?

A Baris
B Rekod
C Jadual
D Medan